



PENDEKATAN NILAI DALAM MEMILIH KEPIMPINAN POLITIK: KAJIAN TINJAUAN DALAM KALANGAN KELAS MENENGAH MELAYU PASCA DASAR EKONOMI BARU

(Using Value Approach in Selecting Political Leadership: A Survey Study on
Post-New Economic Policy Malay Middle Class)

^{1,2} HAIROL ANUAR HJ MAK DIN

^{1,3} ZAKARIA STAPA

^{1,3} AHMAD MUNAWAR ISMAIL

¹ SHAMSUL AZHAR YAHYA

¹ Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

² Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

³ Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

ABSTRAK

Refleksi nilai yang terzahir melalui pendirian politik kumpulan kelas menengah Melayu berupaya mempengaruhi undi di dalam sistem demokrasi. Rencana ini bertujuan untuk mengkaji pendekatan nilai di dalam memilih kepimpinan politik dalam kalangan kelas menengah Melayu pasca Dasar Ekonomi Baru. Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan kaedah tinjauan yang terkandung di dalam metode penyelidikan kuantitatif. Seramai 544 orang responden yang terlibat di dalam kajian ini dengan corak pemilihan sampel menggunakan teknik 'persampelan bertujuan' dengan penentuan sampel berdasarkan jadual penentu sampel Krejcie & Morgan. Pembinaan set soalan mendapat persetujuan pakar rujukan yang dilantik dan pengesahan kebolehlaksanaan kajian ini adalah hasil daripada kajian rintis yang telah dijalankan, dengan penentuan nilai kebolehpercayaan instrumen kajian dibuat dengan mengenal pasti tahap ketekalan dalaman item-item yang digunakan dengan mempraktikkan: Kaedah Pemisahan Separat (Nilai Pekali Korelasi) dan Kaedah Konsistensi Dalaman (Pekali Alfa Cronbach) dengan menggunakan Program SPSS. Penemuan data mendapati bahawa elemen nilai

Corresponding author: Hairol Anuar Hj Mak Din, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia, e-Mail: hairolanuar@kuis.edu.my

Disenahkan: 2 Jun 2013

Diterima: 4 Ogos 2014





amat signifikan di dalam kehidupan kumpulan kajian. Signifikan nilai terbukti apabila dapatan data mendapati bahawa nilai mempunyai peranan di dalam memilih kepimpinan politik (min= 3.13/sisihan piawai=.464) dan peranan nilai sebagai faktor utama di dalam memilih kepimpinan politik (min=3.81/sisihan piawai=.563). Rumusan kajian ini membantu menyediakan sumber pengetahuan yang sah dan boleh dipercayai, seterusnya memberi jawapan terhadap permasalahan kajian, dan akhirnya mengesahkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara nilai dengan pemilihan kepimpinan politik dalam kalangan kelas menengah Melayu pasca Dasar Ekonomi Baru.

Kata kunci: Nilai, kelas menengah, Melayu, kepimpinan, politik.

ABSTRACT

The reflection of value emerges via the political stand of the Secondary Malay Middle class in enabling the influence of votes in the democracy system. This research aims to investigate the approach of value in predominantly opting for the political leadership among the post-New Economic Policy Malay Middle class. The research employs survey method as the fundamental in the quantitative research methodology. A number of 544 respondents were participated as sampled by using purposive sampling based on the table of sample determiner by Krejcie & Morgan. The development of the instrument was made by the appointed specialist through the reliability test based on the pilot test conducted. The validated instrument was thoroughly analyzed using SPSS program by identifying the internal consistency of the items used; Partial separation method and internal consistency method of Alpha Cronbach. The research findings authenticate the element of value is significant towards the respondents' life. The significant of value is proven when the data exemplified that value has its roles in selection of the political leadership (min= 3.13/sisihan piawai=.464) and the role of value as the main factor in selecting political leadership (min=3.81/sisihan piawai=.563). Therefore, overall findings of this research provide a valid and reliable source of knowledge, thus provide solution for the problem statement of the research, and finally validate the significant relation between the value in influencing the selection of political leadership among the post- New Economic Policy Malay Middle Class.

Keywords: Value, middle class, Malay, leadership, politic

SISTEM POLITIK DI MALAYSIA

Sistem politik secara permisif menjadi sebahagian dari sistem kemasyarakatan. Syed Ahmad Hussein (1996) mentakrifkan sistem masyarakat sebagai satu set interaksi di antara berbagai komponen masyarakat yang saling berhubung, di dalam satu keadaan yang tertentu. Di dalam sesuatu sistem itu terdapatnya beraneka struktur yang sentiasa berhubung dan memberi kesan di antara satu sama lain. Dalam interaksi di antara berbagai struktur inilah nilai-nilai dalam masyarakat itu diagih-agihkan dan politik itu berlaku.





Sistem politik pula melibatkan semua jenis perhubungan yang memberi kesan kepada penggunaan (dan ugutan untuk menggunakan) kuasa paksaan yang sah. Di sini Almond & Powell (1966) mengatakan sistem politik termasuk bukan sahaja institusi kerajaan seperti majlis perundangan, mahkamah, dan agensi-agensi pentadbiran, tetapi kesemua struktur perhubungan-perhubungan keluarga, kumpulan-kumpulan kasta, dan fenomena anomik (seperti pembunuhan, rusuhan, dan tunjuk perasaan), dan juga organisasi formal seperti parti politik, kumpulan berkepentingan, dan media komunikasi.

Demokrasi pula merupakan suatu bentuk pemerintahan yang menggunakan suara rakyat di dalam menentukan kepimpinan atau tampuk pemerintahan sesebuah negara. Ia juga boleh ditakrifkan sebagai satu sistem politik yang memberi peluang kepada rakyat membentuk dan mengawal pemerintahan negara (Hairol Anuar 2012). Dalam hal ini, biasanya rakyat sesebuah negara akan menguruskan pemerintahan dengan menggunakan sistem perwakilan. Raymond Gettel menegaskan bahawa demokrasi mesti memenuhi beberapa syarat seperti berikut: a) Bentuk pemerintahan harus didukung oleh persetujuan umum, b) Peraturan serta dasar awam dicipta oleh wakil-wakil rakyat yang dipilih melalui pilihan raya, c) Ketua negara atau ketua kerajaan dipilih secara langsung atau tidak langsung melalui proses pemilihan umum. Beliau seharusnya bertanggungjawab kepada badan perundangan yang dikuasai oleh wakil-wakil rakyat, d) Hak memilih secara langsung diberikan kepada rakyat atas dasar kesedarjatan, dan e) Jabatan-jabatan serta tugas pemerintahan dipegang oleh pegawai yang dilantik berdasarkan kelayakan daripada semua golongan rakyat (Mohd Izani 2005).

Corak demokrasi yang diamalkan di Malaysia adalah sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara dan Perdana Menteri bertindak sebagai ketua kerajaan (Hairol Anuar 2010). Demokrasi Berparlimen yang terkandung di dalam Perlembagaan Malaysia menetapkan hanya wakil-wakil yang menang dan sah dipilih oleh rakyat melalui wasilah pilihan raya bakal menduduki Parlimen dan seterusnya memerintah negara.

Acuan demokrasi mengikut versi Malaysia berdasarkan konsep '*demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan*'. Menurut Firdaus Hj Abdullah (2008) gagasan ini adalah satu formula atau resipi yang sangat sesuai untuk mengamalkan demokrasi. Ini adalah gagasan yang menggabungkan unsur tradisi dan unsur moden yang dapat mewujudkan '*kestabilan yang dinamis*' dalam mengatur kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Kejayaan atau kegagalan mengamalkannya amat mempengaruhi kestabilan negara di masa hadapan.

Malaysia mengamalkan sistem majoriti mudah '*First-past-the-post*' berasaskan '*single member constituencies*' dalam proses pilihan raya. Lanjutan itu, Amer Saifude (2009) menghuraikan konsep terhadap sistem ini dengan merujuk Taylor & Johnston (1979), Rose (2000), dan Budge et al. (2001). Secara kolektifnya sistem majoriti mudah ini merujuk kepada calon yang mendapat undi terbanyak (walaupun berbeza hanya satu





undi sahaja) adalah pemenang dan di dalam sistem ini tidak mengguna pakai hanya undi majoriti sahaja yang layak untuk menang. Pengaplikasian sistem ini mendapat persetujuan ramai dalam kalangan sarjana Barat seperti Blaise & Massicotte (1992) dan Hague & Harrop (2001) kerana berpandangan melalui sistem ini bakal menghasilkan satu parti majoriti yang stabil, kuat, dan lebih bertanggungjawab. Sebaliknya dari sisi yang lain, sarjana seperti Johnston et al. (2001) berpendapat sistem ini pula berpotensi untuk menghasilkan majoriti yang sangat besar, undi yang membazir, ketidakadilan kepada parti kecil, dan melayakkan sesebuah parti untuk berkuasa dengan sokongan yang kecil.

Komposisi etnik memainkan peranan penting dalam politik Malaysia. Menurut kajian Amer Saifude (2009) semenjak kemerdekaan, sistem politik memberikan kelebihan kepada etnik Melayu. Sebelum dibentuk kawasan pilihan raya, pemberatan yang selalu digunakan adalah kawasan luar bandar yang selalunya akan melebihi kawasan pilihan raya di bandar. Kebanyakan orang Melayu tinggal di kawasan luar bandar dan ini menyebabkan kawasan pilihan raya majoriti etnik Melayu adalah paling banyak berbanding majoriti etnik lain.

KEMUNCULAN KELAS MENENGAH MELAYU PASCA DEB

Evolusi kemasyarakatan dalam kehidupan manusia kelihatan melalui sistem kelas yang wujud di dalam struktur masyarakatnya. Kewujudan manusia secara berkelas-kelas ini seolah-olah fitrah di dalam proses kewujudan manusia, ini diperakui sama ada secara sedar atau tidak sedar. Walau bagaimanapun kedatangan Islam telah menghapuskan kelas-kelas masyarakat yang diwarisi turun temurun kepada satu takrif dan makna baru iaitu '*takwa*' dengan menghubungkan kaitkan dengan unsur ketuhanan dan keagamaan.

Kelas secara bahasa dimaksudkan golongan atau kumpulan yang berbeza antara satu sama lain atas ciri-ciri tertentu seperti taraf hidup dan kedudukan sosial berdasarkan asal keturunan (Kamus Dewan 2005). Di dalam strata sosial, umumnya manusia terbahagi kepada tiga kelas iaitu kelas atasan yang merujuk golongan yang menduduki taraf sosial yang paling tinggi diiktiraf oleh masyarakatnya seperti golongan raja-raja, kerabat raja, bangsawan, hartawan, dan sebagainya yang diperoleh secara warisan turun temurun. Kelas menengah merujuk kepada golongan masyarakat antara kelas bawahan dan kelas atasan. Di dalam sistem masyarakat masa kini, golongan ini kebiasaannya terdiri daripada golongan yang terpelajar dan menjawat jawatan-jawatan profesional mengikut bidang seperti peguam, akauntan, doktor, pensyarah, dan sebagainya. Sementara kelas bawahan, golongan yang menduduki taraf sosial yang paling rendah, pada zaman feudal golongan ini terdiri dari kalangan hamba, buruh, petani, dan sebagainya (Yab Beng Liang 1989).

Sosiologi Barat telah mengklasifikasikan masyarakat kepada beberapa kelompok. Sistem ini dikenali sebagai stratifikasi sosial. Pengelasan ini membahagikan masyarakat kepada kelompok-kelompok secara *vertical* (bertingkat). Sarjana Barat seperti Pitrim A. Sorokin mengemukakan rasional pelapis sosial sebagai metode yang membezakan





masyarakat ke dalam kelas-kelas secara bertingkat. Lapisan-lapisan ini dapat dilihat dalam masyarakat, ada lapisan yang tinggi, pertengahan, dan ada lapisan-lapisan di bawahnya. Setiap lapisan tersebut disebut strata sosial, manakala P.J Bouman pula menggunakan istilah tingkatan. Tingkat-tingkat ini boleh dirujuk melalui tanda-tanda dengan suatu cara hidup terhadap beberapa hak istimewa tertentu dan mendapat pengiktirafan masyarakat (Azmah Abdul Manaf 2001).

Di dalam teori politik, umumnya pengelasan banyak diketengahkan oleh Karl Marx (1818-1883) seperti yang terkandung di dalam buku *The Communist Manifesto* (1848) iaitu; “*semua sejarah dari dahulu sehingga masyarakat hari ini adalah sejarah perjuangan mengenai kelas*”. Bagi Marx, pertentangan kelas di antara *bourgeoisie* dengan *proletariat* adalah satu hukum wajib dan pasti, di antara dua kelas ini tiada mungkin ada kompromi. Kepentingan mereka adalah saling bertentangan (Syed Ahmad Hussein 1996).

Di Malaysia secara tradisinya masyarakat Melayu terbahagi kepada dua kumpulan masyarakat yang utama, iaitu kelas yang memerintah dan kelas yang diperintah. Perbezaan di antara kedua-dua golongan itu didasarkan pada kelahiran dan garis pemisahannya dijelaskan dengan adat dan kepercayaan (William R.Roff 2005). Hal yang sama turut diketengahkan oleh Chandra Muzaffar (1992) mengenai soal hubungan di antara pemerintah dengan yang diperintah dengan meneliti konsep taat setia sebagai elemen yang mempengaruhi masyarakat Melayu.

Secara umumnya, kelas menengah ialah kelas yang terletak di tengah-tengah susun lapis masyarakat antara golongan atasan (pemerintah) dengan golongan bawah (yang diperintah). Pengelompokan kelas ini diukur dari segi punca pendapatan yang dinikmati dan juga latar belakang pendidikan yang diterima bukan lagi berdasarkan darjat keturunan dan pangkat. Ukuran dari segi punca pendapatan adalah sesuatu yang biasa sebelum ini bagi menentukan kelasnya dalam masyarakat, tetapi berdasarkan pendidikan yang diterima adalah merupakan satu ukuran yang baru, dan ianya tepat digunakan sebagai ukuran pengelasan kelas menengah ini (Azmah Abdul Manaf 2001).

Rentetan daripada itu, di dalam penyelidikan ini terdapat pencerahan makna kelas menengah dengan merujuk kepada dua golongan iaitu; berilmu dan generasi muda. Ukuran berilmu di sini adalah merujuk kepada tahap pendidikan secara formal yang diperoleh daripada mana-mana Institusi Pengajian Tinggi. Kelayakan akademik minimum Sarjana Muda sehingga di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Manakala generasi muda pula merujuk kepada ukuran usia seawal 21 tahun dan dihadkan sehingga umur 40 tahun sahaja yang dikategorikan sebagai pengundi muda oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Rasional terhadap penyelidikan yang menekankan kumpulan kelas menengah Melayu ini adalah disebabkan kedua-dua golongan ini mempunyai kedudukan, kuantiti, dan peranan yang amat penting di dalam kedudukan sosial dan pembangunan negara. Pengaruh kelompok ini amat signifikan di dalam membentuk peradaban Malaysia.





Dasar Ekonomi Baru merupakan dasar kerajaan untuk menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Dalam masa yang sama dasar ini secara sengaja berjaya membangunkan psikik keyakinan bangsa Melayu untuk terus berkuasa di negaranya dan memimpin Malaysia ke arah kemajuan yang unggul (Zainal Kling 2008). Kumpulan kelas menengah Melayu secara dominan lahir selepas pengubalan DEB (1970 hingga 1990). Corak nilai yang menzahirkan pola pemikiran generasi baru selepas tahun 1970 amat relevan untuk dikaji dan diteliti kerana ianya mampu meramal masa depan negara Malaysia. Apatah lagi generasi terdahulu yang wujud sebelum tahun 1970 terikat dengan sejarah-sejarah silam yang kebarangkalian menzahirkan nilai-nilai yang tidak lagi bersifat objektif.

Rumusannya kelas menengah Melayu yang lahir selepas tahun 1970 yang terangkum di dalamnya generasi X dan generasi Y ataupun generasi kedua merupakan generasi pasca DEB yang amat berpengaruh kerana kuantitinya dan latar belakang akademiknya yang bakal menentukan survival hala tuju politik negara di masa hadapan.

PENDEKATAN NILAI DI DALAM SISTEM POLITIK

Amalan sistem demokrasi dalam pergerakan politik berparti dan amalan pilihan raya bagi memilih anggota Parlimen dan Dewan Undangan Negeri menyebabkan kepelbagaian budaya serta kepentingan dipertahankan, malah diperjuangkan. Dalam konteks ini pemilihan kepimpinan politik amat bernilai di dalam menzahirkan sokongan dan dokongan yang tercermin hasil dari nilai yang menjadi pegangan. Di dalam dunia moden masa kini ketamadunan dipasakkan melalui sistem politik melalui wasilah demokrasi. Justeru itu, kepimpinan politik amat penting di dalam mengukur kelangsungan sesebuah peradaban.

Nilai merupakan sesuatu yang utama dan dianggap penting serta dihargai oleh sesebuah masyarakat seperti ilmu, moral, kekayaan, kuasa, seni, dan sebagainya. Nilai-nilai ini biasanya dilihat dalam konteks perbandingan, nilai mana yang dianggap lebih utama daripada yang lain (Akademi Pengurusan YaPEIM 2010). Di samping itu, nilai juga ditakrifkan sebagai kepercayaan yang mendorong seseorang atau sesebuah institusi untuk bertindak mengikut pemilihan yang berasaskan nilai-nilai utama masyarakat. Mengikut kajian sejarah, ilmu, kebijaksanaan, keadilan, dan iktidal merupakan nilai-nilai utama dalam masyarakat (INTAN 1991).

Nilai secara relatifnya menurut Ahmad Sarji (INTAN 1992) merupakan satu rangka keutamaan dalam membuat pilihan yang kekal yang membentuk dan mempengaruhi perilaku semula jadi individu. Nilai seseorang akan memperlihatkan kecenderungannya dalam melakukan sesuatu. Nilai dibentuk pada asasnya oleh tradisi keagamaan. Antara bentuk nilai menurut Shukri Ahmad (1998) yang dapat diperkukuhkan oleh agama, ialah:






Pendekatan Nilai dalam Memilih Kepimpinan Politik: Kajian Tinjauan dalam Kalangan Kelas Menengah Melayu Pasca Dasar Ekonomi Baru

- a. Melakukan hubungan baik berteraskan nilai akhlak dalam kalangan semua peringkat seperti peringkat keluarga, hubungan pemimpin dengan masyarakat, dan kepatuhan kepada undang-undang.
- b. Mencegah diri dari melakukan kesalahan moral dalam kalangan anggota masyarakat yang membabitkan individu, kelompok, dan negara.
- c. Membentuk perasaan hormat dan patuh kepada struktur sosial seperti mematuhi pemimpin, masyarakat, dan negara.

Nilai dari perspektif politik pula, mempunyai hubungan yang akrab dengan tanggungjawab rakyat dari sisi Islam terhadap persoalan pemilihan dan perantikan seorang pemimpin yang juga merupakan pernyataan hasrat dan keinginan mereka serta kebersamaan mereka dalam menentukan sesuatu dalam kegiatan politik. Sejalan dengan pandangan Abdul Aziz (2003) hubungan antara politik dengan Islam amat berkait antara satu sama lain kerana Islam adalah akidah dan peraturan yang tidak dapat dipisahkan dari urusan-urusan politik dan kerajaan. Islam bukan hanya satu sistem semata-mata, tetapi ia adalah *al-Din* (agama) dan *al-Daulah* (negara). Politik membicarakan persoalan yang berkaitan dengan bentuk pentadbiran dan pemerintahan sesebuah negara.

Kerangka Konseptual Kajian di dalam penyelidikan ini secara mikronya lebih berfokus kepada set nilai individu tertentu di dalam kumpulan tertentu sebagaimana yang telah digariskan di dalam skema penyelidikan ini. Relevan terhadap penumpuan nilai ini adalah di atas kesedaran betapa pentingnya nilai-nilai yang dianuti ini di dalam menentukan masa hadapan dan hala tuju sesebuah bangsa atau negara itu. Secara khususnya kerangka konseptual kajian ini adalah seperti di bawah:

Rajah 1 Kerangka Pendekatan Nilai di Dalam Proses Pemilihan Kepimpinan Politik Dalam Kalangan Kelas Menengah Melayu Pasca DEB



*Diubahsuai daripada Teori Psikologi Aisberg Kelakuan Manusia





Hakikatnya tingkah laku individu tidak berlaku begitu sahaja. Ia sebenarnya disebabkan oleh dorongan atau gerakan naluri dalam diri individu. Secara prinsipnya, kerangka konseptual seperti yang dipaparkan dalam rajah di atas memberi gambaran bahawa mekanisme perlakuan manusia boleh diumpamakan sebagai seongkah *aisberg* sebagaimana menurut kajian psikologi. Kelakuan yang dilihat secara zahir hanya merupakan 10 peratus sahaja daripada keseluruhan mekanisme itu. Manakala baki 90 peratus lagi tidak kelihatan (batin). Bahagian yang tidak kelihatan itu mengandungi elemen-elemen yang lebih fundamental seperti soal keyakinan, pandangan hidup, dan nilai.

Meskipun nilai berkaitan dengan aspek kerohanian atau dalaman insan, namun aspek dalaman boleh dilihat menerusi *mazahir* atau tingkah laku luaran. Ringkasnya, sahsiah insan terbina berasaskan *mazahir* atau penampilan luaran. *Mazahair* inilah yang dinamakan akhlak, iaitu terjemahan daripada nilai yang merangkumi akidah dan amalan ibadah seseorang (Kuis 2011). Oleh yang demikian, merujuk kepada persoalan pengaruh nilai di dalam kehidupan mempunyai hubungan yang sangat intim dan mendalam terhadap sistem keyakinan dan pandangan hidup.

Namun pada masa yang sama nilai ini turut dipengaruhi oleh faktor luaran yang mendatang. Pertembungan di antara faktor luaran yang terasing dengan teras yang berlegar di dalam sistem keyakinan dan pandangan hidup memberi implikasi secara langsung atau tidak langsung terhadap nilai kumpulan sasaran. Mana-mana elemen yang dominan bakal mempengaruhi nilai dan akan terzahir melalui sikap, iaitu terangkum di dalamnya tindakan, percakapan, dan pola pemikiran.

Nilai tergolong di dalam kumpulan '*budaya bukan kebendaan*'. Menurut Samri Zainuddin (2005) tamadun atau peradaban manusia itu merupakan satu peringkat pencapaian budaya yang lebih tinggi atau maju. Ini kerana budaya yang tinggi dan terpuji menandakan kehidupan yang bertamadun. '*Budaya bukan kebendaan*' adalah segala sesuatu yang bukan benda yang tidak dapat dipegang tetapi dapat dilihat dan dirasai (Rohana Yusuf 1997). Selain daripada nilai, bentuk atau elemen budaya jenis ini ialah seperti pengetahuan, falsafah, kepercayaan, sistem kekeluargaan, undang-undang, dan akhlak.

Tumpuan kajian ini adalah terhadap refleksi sikap khususnya berkaitan pemilihan kepimpinan politik yang terzahir hasil daripada doktrin nilai yang menjadi pegangan. Gabung jalin di antara penyelidikan ini dengan Model Sistem Politik (David Easton 1965) adalah di semua peringkat suasana sekeliling, input, output, dan maklum balas yang melingkari model ini, isinya adalah pelakunya dan kelakuan pelaku ini dipengaruhi oleh nilai yang menjadi ikutan. Penegasan dibuat oleh Syed Ahmad Hussein (1996) bahawa sesuatu sistem itu, tentu sekali, boleh hancur seandainya ahli masyarakat atau sebahagian besarnya daripadanya berhenti menyokong sistem itu. Tanpa sokongan, sesuatu sistem politik itu akan gagal.





Justeru itu nilai merupakan elemen utama di dalam kompas kehidupan dan memberi kesan bukan sahaja secara individu tetapi lebih jauh lagi iaitu terhadap peradaban. Oleh kerana itu, peranan nilai amat mempengaruhi maklum balas dan keseimbangan di antara input dengan output paling perlu untuk memastikan penerusan sistem ini. Mekanisme nilai yang terkandung sama di dalam maklum balas di dalam model di atas akan membantu sistem ini membuat penyesuaian terhadap perubahan-perubahan yang diperlukan bagi meneruskan peranan pengagihan nilai.

METODE PENYELIDIKAN

Pendekatan kuantitatif merujuk kepada pendekatan yang cenderung terhadap penggunaan teknik atau metodologi saintifik di dalam pengkajian fenomena sosial. Dalam sejarah perkembangan sesetengah disiplin sains sosial seperti bidang sosiologi, ekonomi, dan politik terdapat suatu gerakan untuk membawa masuk kaedah pemikiran saintifik berasaskan sains tulen yang dikenali sebagai '*positivisme*' ke dalam gagasan sains sosial. Kaedah positivisme ini menekankan kepada ketepatan bukti penyelidikan dengan menggunakan analisis *numerikal*. Penyelidikan eksperimental dan tinjauan adalah antara kaedah-kaedah yang banyak digunakan dalam aliran positivisme ini (Chua Yan Piau 2006).

Inti pati pendekatan kuantitatif ini juga boleh dilihat melalui kecenderungan para saintis sosial menggunakan kaedah objektif dan empirikal di dalam memahami fenomena sosial seperti penggunaan statistik (di mana realiti sosial yang bersifat subjektif ditukar ke dalam bentuk perangkaan bagi tujuan analisis) dan kaedah eksperimen (mengkaji sesuatu fenomena sosial dalam suasana terkawal). Berdasarkan kepada istilah penyelidikan kuantitatif adalah berhubungan dengan data *numerika* dan ketepatan. Dalam penyelidikan ini, permasalahan kajian dinyatakan dengan jelas di dalam bentuk hipotesis, di mana terdapatnya sebilangan pemboleh ubah tertentu di dalam suatu fenomena yang terkandung di bawah kajian yang siap dioperasi sebelum diukur.

Satu daripada contoh metode penyelidikan kuantitatif ialah kajian tinjauan. Menurut Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan (2012) kajian tinjauan ialah satu metode untuk mengumpul maklumat dengan bertanya melalui satu set instrumen soal selidik kepada satu sampel individu yang dipilih dari satu populasi yang dikaji. Objektif dan persoalan kajian lazimnya mengenai tingkah laku individu yang hendak diperhatikan seperti persepsi, tahap pengetahuan, kefahaman, kepercayaan, kegemaran, dan lain-lain.

Hal yang sama dinukilkan oleh Neuman (1994) dengan menyatakan kaedah tinjauan merupakan cara paling berkesan untuk persoalan kajian berhubung pernyataan kepercayaan sendiri, persepsi, dan tingkah laku. Oleh yang demikian, soal selidik tadbiran sendiri akan bertindak sebagai instrumen utama bagi kerja-kerja kutipan data melalui sampel yang telah dipilih secara rawak bagi mewakili populasi. Instrumen ini dipilih bagi memberi peluang kepada responden untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan





dengan tenang pada masa terluang. Selain itu, ia juga memberi ruang untuk responden berfikir dengan selesa dan menyemak sebarang rekod jika perlu.

Justeru itu, di dalam penggunaan kaedah penyelidikan kuantitatif ini terdapat lima fasa utama yang diguna pakai di dalam melakukan penyelidikan ini. Fasa-fasa tersebut adalah:

- a. Pembinaan instrumen kajian.
- b. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen.
- c. Pengumpulan data.
- d. Analisis data.
- e. Penulisan laporan dan cadangan.

PERBINCANGAN ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Asal penyelidikan adalah bertujuan untuk memberi jawapan kepada '*ketidakpastian*'. Di dalam kajian ini, konteks ketidakpastian adalah dengan merujuk kepada elemen nilai yang mempunyai pengaruh atau tidak mempunyai pengaruh terhadap kumpulan sasaran melalui segmen pemilihan kepimpinan politik. Oleh yang demikian, penyelidikan merupakan satu kaedah yang dilakukan bagi memastikan maklumat yang diperoleh adalah munasabah dan disokong oleh data-data sama ada secara kuantitatif ataupun kualitatif.

Tahap analisis kuantitatif menurut Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan (2012) terdiri daripada mengenal pasti frekuensi, peratusan, min, mod, dan median; perbezaan, ujian T dan ANOVA; Chi Square, korelasi, dan regresi. Di dalam kajian ini analisis data berkenaan tajuk kajian pula adalah melalui kaedah deskriptif iaitu dengan menggunakan peratusan, min, dan sisihan piawai.

Oleh kerana sifat penyelidikan sebagaimana yang diketengahkan oleh Chua Yan Piaw (2006) sebagai satu proses yang sistematik yang melibatkan proses merancang kaedah penyelidikan, mengumpul data, menghuraikan data, dan melaporkan maklumat. Justeru melalui penyelidikan ini dapat memberi jawapan kepada '*ketidakpastian*' yang timbul.

Sehubungan dengan itu, setelah selesai mengumpul soal selidik melalui kerja-kerja lapangan, fasa seterusnya yang penting adalah menganalisis data yang diperoleh. Semua soal selidik yang diisi telah dikumpulkan untuk dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Science (SPSS) for Window (versión 17.0)*. Segala maklumat yang diperoleh dicatatkan dan diteliti kemudian membuat dapatan kajian dan rumusan kajian.





Analisis merangkumi:

- a. Bahagian A : Analisis demografi berdasarkan profil sampel.
- b. Bahagian B : Mengenal pasti pengaruh nilai di dalam kehidupan golongan kelas menengah Melayu yang lahir pada tahun 1970-1990.
- c. Bahagian C : Mengukur kepentingan kepimpinan politik di dalam kehidupan golongan kelas menengah Melayu yang lahir pada tahun 1970- 1990.
- d. Bahagian D : Mengukur kepentingan kepimpinan politik di dalam Kehidupan golongan kelas menengah Melayu yang lahir pada tahun 1970-1990.
- e. Bahagian E : Mengkaji peranan nilai sebagai faktor utama/penentu di dalam memilih kepimpinan politik.

JADUAL 1 Interpretasi Skor Min Bagi Melaporkan Dapatan Deskriptif Statistik

Skor Min	Interpretasi
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana Rendah
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
4.01-5.00	Tinggi

Sumber: Chua Yan Piaw (2006)

Penemuan kajian ini secara keseluruhannya mendapati elemen nilai amat signifikan di dalam kehidupan kumpulan kajian. Data menemukan bahawa kefahaman kumpulan kajian terhadap konsep nilai adalah $\text{min}=4.02/\text{sisihan piawai}=.354$ yang membawa tahap interpretasi tinggi, manakala pengaruh nilai di dalam kehidupan adalah $\text{min}=3.35/\text{sisihan piawai}=.439$ yang membawa tahap interpretasi sederhana tinggi. Kepentingan nilai terbukti apabila data menunjukkan bahawa nilai mempunyai peranan di dalam memilih kepimpinan politik iaitu $\text{min}=3.13/\text{sisihan piawai}=.464$ yang membawa tahap interpretasi sederhana tinggi, dan peranan nilai sebagai faktor utama di dalam memilih kepimpinan politik adalah $\text{min} 3.81/\text{sisihan piawai}=.563$ yang membawa tahap interpretasi sederhana tinggi.

KESIMPULAN

Pendekatan nilai sebagai suatu gagasan bagi menjamin pembangunan negara yang mapan dan seimbang. Ia dinyatakan dengan jelas sebagai salah satu cabaran Wawasan 2020





iaitu; “...untuk mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika sepenuhnya, yang rakyatnya kuat beragama dan nilai kerohanian serta disemai dengan nilai etika paling tinggi” (Hairol Anuar 2010). Dalam konteks pembangunan ekonomi dan politik di dalam sesebuah negara, pembinaan nilai akhlak dalam bentuk pembangunan manusia yang seimbang dan bersepadu akan menjamin pembangunan ekonomi yang mapan (M.Umar 1998) serta kekuatan politik yang akan menjamin kelangsungan dan kecemerlangan bangsa dan negara secara berterusan (Tajul Ariffin 1999). Nilai merupakan elemen yang amat penting dan mempunyai jalinan yang erat dengan sejarah peradaban manusia. Kegemilangan atau keruntuhan sesebuah tamadun bangsa dicorakkan oleh sistem nilai masyarakatnya. Seandainya masyarakat mempunyai sistem nilai yang kukuh maka kerajaan yang dibina akan makmur dan gemilang, sebaliknya jika didapati sistem nilai yang dianuti mulai longgar dan seleweng dampaknya kerajaan yang dibina bakal runtuh dan musnah. Kehilangan nilai di dalam segenap aspek kehidupan manusia pada masa ini timbul akibat pemisahan antara elemen nilai di dalam dunia sejarah ketamadunan manusia.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Yusof. 2003. *Gelagat Organisasi: Teori, Isu dan Aplikasi*. Kuala Lumpur : Prentice Hall.
- Ahmad Munawar dan Mohd Nor Shahizan. 2012. *Memahami Kuantitatif dan Kualitatif Dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi:UKM.
- Akademi Pengurusan YaPEIM. 2010. *Pengurusan Islami: Menghayati Prinsip dan Nilai Qurani*. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YaPEIM.
- Almond, G.A dan Powell, G.B. Jr. 1966. *Comparative Politics*. Boston: Little Brown.
- Amer Saifude (2009) *Geografi Pilihan Raya dan Tingkah Laku Pilihan Raya Malaysia 1959-2008*. Kuala Lumpur: UM.
- Azmah Abdul Manaf. 2001. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Blaise, A & Massicotte, L. 1996. Electoral System. Dalam Le Duc, L., Niemi, R.G. & Norris, P. *Comparing Democracy: Elections and Voting in Global Perspective*. California: Sage.
- Budge, I, Crewe, I, McKay, D & Newton, K.2001. *The New British Politics*. Essex: Longman.
- Chandra Muzaffar. 1992. *Pelindung?*. Pulau Pinang: Aliran.





- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Serdang. McGraw-Hill.
- Easton, D. 1965. *A Framework for Political Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Firdaus Hj Abdullah. 2008. Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. *Dewan Masyarakat* Edisi Khas PRU Ke-12.
- Hague, R, dan Harrop, M. 2001. *Comparative Government and Politics*. Hampshire: Palgrave.
- Hairoil Anuar. 2010. *Pengajian Malaysia: Kenegaraan dan Patriotisme (Edisi Kedua)*. Bandar Seri Putra: Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Akademik KUIS.
- Hairoil Anuar. 2012. *Signifikan Nilai Dalam Memilih Kepimpinan Politik Kalangan Kelas Menengah Melayu Pasca DEB*. International Journal Of Islamic Thought. Volume 4 2013: 22
- INTAN 1991. *Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam*. Kuala Lumpur: INTAN.
- INTAN. 1992. *Tonggak Dua Belas*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Johnston, R, Pattie, C., Dorling, D. & Rossiter, D. 2001. *From votes to seats – the operation of the UK electoral system since 1945*. Manchester: Manchester University Press.
- Kamus Dewan. 2005. Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: DBP.
- Kuis. 2011. *Buku Panduan Transformation Of Kuis*. Bandar Seri Putra: KUIS
- Mahathir Mohamad. 2003. Islam Bukan Penghalang Kemajuan. Dlm. Hashim Makarudin. *Islam dan Umat Islam : Ucapan Pilihan Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Mohd Izani. 2005. *Islam dan Demokrasi: Cabaran Politik Muslim Kontemporari di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- M.Umar Chapra. 1998. Economic Development in Muslim Countries: A Strategy For Development in the light of Islamic Teachings. Dlm. Misbah Oreibi. *Contribution of Islamic Thought to Modern Economics*. Virginia: The International Institute of Islamic Thought.
- Neuman, W.L. 1994. *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Massachusetts: Allyn and Bacon.





Rohana Yusuf. 1997. *Asas Sains Sosial dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: DBP.

Rose, R. 1974. *Electoral Behaviour: A Comparative Handbook*. New York: Free Press.

Samri Zainuddin. 2005. Teori Ketamadunan. Kertas Kerja Modul Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Anjuran Jawatankuasa Induk Kursus TITAS dan IPT Dengan Kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. UiTM, 2005.

Shukri Ahmad. 1998. Agama dan Masyarakat. Dlm. *Pengantar Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.

Syed Ahmad Hussein. 1996. *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur: DBP.

Tajul Ariffin et al. 1999. Satu Pendekatan untuk Memahami Pembangunan Manusia Berasaskan Paradigma Tauhid. Projek Penyelidikan Fakulti Pendidikan UKM.

Taylor, P.J. & Johnston R.J. 1979. *Geography of elections*. Middlesex: Penguin Book.

William R.Roff. 2005. *Nasionalisme Melayu*. Kuala Lumpur: UM.

Yab Beng Liang. 1989. *Stratifikasi Sosial dan Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: DBP.

Zainal Kling. 2008. Gerakan Memperjuangkan Melayu. *Dewan Masyarakat* Jun 2008.

